

Pertanian lestari di tanah wakaf perbaiki ketempangan ekonomi

Oleh Dr Siti Nadiah Mohd Ali , September 21, 2023



Foto hiasan.

Pembangunan tanah wakaf dengan aktiviti pertanian sebenarnya menjadi aset sangat bernilai dalam melestarikan ekonomi dan sosial negara. Malah, pembangunan pertanian dan kebajikan masyarakat sudah terangkum dalam falsafah tanah wakaf.

Persoalannya, bagaimanakah cara terbaik bagi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dapat sama-sama menyumbang kepada keperluan ekosistem keterjaminan makanan negara melalui konsep pertanian bersasar.

Hakikatnya, ia dapat dilakukan melalui kerjasama ampuh dengan Jabatan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), malah Jabatan Pertanian sendiri sudah mempunyai data awal cerapan kelompok pertanian, iaitu GeoTanaman.

Jabatan Pertanian bertanggungjawab menyediakan garis panduan pemetaan guna tanah dengan kerjasama wakil Jabatan Teknikal dan Universiti Malaya (UM) pada 1962. Pelbagai program dan aktiviti berkaitan penggunaan geospasial dirangka untuk memperkukuhkan pengurusan data guna tanah negara sehingga kini.

Antara hasil boleh dilihat pada masa ini di bawah projek Pembangunan Pangkalan Data Inventori Tanaman Makanan Negara Sehingga Lot Kadaster ialah Sistem

GeoTanaman, iaitu inovasi digital Jabatan Pertanian dalam transformasi perkhidmatan dan pengurusan maklumat Inventori Tanaman Makanan Negara.

Sistem GeoTanaman Wakaf Pertanian merujuk kepada penggunaan teknologi geospasial dalam pengurusan dan pemantauan tanah wakaf pertanian. Pendekatan canggih ini, berpotensi meningkatkan penggunaan tanah wakaf secara efisien dan berkesan.

Pada peringkat awal, pembinaan Sistem GeoTanaman Wakaf Pertanian ini perlu mengenal pasti pemegang taruh pada peringkat kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mendapatkan maklumat tepat.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim antara mempunyai kepakaran dalam membangunkan pemetaan tanah wakaf komprehensif dan bersepadu. Namun, ia perlu dibantu Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan MAIN bagi membekalkan maklumat penyiasatan tanah.

Kerjasama strategik majukan tanah

Justeru, kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian, JUPEM, PTG dan MAIN dapat merealisasikan usaha mewujudkan data GeoTanaman Wakaf Pertanian tepat. Peranan semua pihak diperlukan dalam mengenal pasti pendaftaran status tanah, jenis tanah dan tanaman sesuai serta kawasan kejiranan untuk membolehkan sesuatu kawasan dibangunkan dengan produk pertanian terbaik.

Selepas ia dilaksanakan, barulah kita boleh menawarkan kepada pelabur untuk membangunkan tanah wakaf pertanian secara lengkap. Di sini, peranan MAIN dan Jabatan Mufti sangat penting untuk memastikan tanah wakaf pertanian dibangunkan secara patuh syariah.

Isu perundangan wajib diselesaikan pada peringkat awal, termasuk syarat perlu dipatuhi pelabur perlu dinyatakan secara jelas.

Pada masa sama, ada beberapa aspek, termasuk dalam konsep Sistem GeoTanaman melalui tanah wakaf pertanian yang boleh diteliti semua pemegang taruh. Antaranya, pemetaan tanah wakaf pertanian menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) boleh membina peta terperinci mengenai tanah wakaf pertanian.

Peta ini mencakup maklumat saiz dan jenis tanah, topografi serta maklumat penting pengurusan sektor pertanian terpilih kelak. Malah, sistem ini boleh membantu dalam mengesan dan merakam jenis pertanian dilakukan di atas tanah wakaf, termasuk rekod jenis dan teknik penanaman serta penggunaan input pertanian seperti baja.

GIS juga boleh memantau pertumbuhan dan kesihatan tanaman di tanah wakaf dengan menggunakan data satelit serta pengesanan tanaman ditempatkan di lapangan. Sistem ini boleh membantu dalam pengurusan sumber seperti air dan baja dengan lebih berkesan, sekali gus mengurangkan pembaziran serta memberi manfaat kepada produktiviti pertanian.

Perancangan pembangunan tanah wakaf pertanian lebih baik juga dapat direalisasikan seperti membantu dalam menentukan lokasi sesuai untuk penambahan infrastruktur pertanian seperti gudang penyimpanan.

Sistem GeoTanaman boleh digunakan untuk memantau kelestarian alam sekitar di tanah wakaf, termasuk pengurusan sisa tanaman, perlindungan alam sekitar dan kawalan pencemaran dapat dipertingkatkan.

Di sebalik pelbagai saranan ahli akademik yang mahu melihat tanah wakaf negara dapat dibangunkan, ia tidak disambut baik oleh pemegang taruh.

Harap ada peruntukkan belanjawan

Justeru, kita mengharapkan kerajaan memperuntukkan belanjawan bersasar untuk membangunkan tanah wakaf pertanian kerana ia bukan bersifat jangka pendek.

Harus diingat, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada zamannya sudah membelanjakan peruntukan RM250 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) bagi membangunkan tanah wakaf berpotensi.

Hasil daripada tumpuan itu, lahir empat hotel wakaf yang tersergam indah pada hari ini. Malah, banyak projek pembangunan tanah wakaf dibina dan masih beroperasi hingga kini.

Justeru, Kerajaan Persekutuan wajar memberikan ruang dan peluang untuk MAIN mempelopori GeoTanaman Wakaf Pertanian Negara dengan bantuan agensi kerajaan bersesuaian.

MAIN, melalui tanah wakaf pertanian dapat membantu petani dan asnaf memperbaiki ketempangan ekonomi antara masyarakat melalui peluang pekerjaan bersesuaian.

Namun, tanah wakaf pertanian memiliki nilai agama tinggi. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan ia dikelola dengan penuh hormat terhadap nilai dan keyakinan agama setempat.

Bagi mengatasi cabaran ini, kerajaan perlu bijak menggunakan tanah wakaf secara efektif, mempromosikan amalan pertanian lestari, menghidupkan semangat Persekutuan tanpa dikongkong pemikiran politik sempit yang mungkin merencatkan projek ini.

-Berita Harian